



KENYATAAN MEDIA

18 NOVEMBER 2025

INSIDEN STRUKTUR SEMENTARA “TEMPORARY STEEL CANOPY” DI MRR2 FT28

Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), selaku pemilik Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), mengambil maklum insiden melibatkan struktur sementara “*temporary steel canopy*” di Jalan MRR2 FT28 (arah Batu Caves) pada 18 November 2025.

Struktur sementara yang digunakan bagi kerja-kerja Road Under Bridge (RUB) #16 telah dilaporkan mengalami kegagalan dan menimpa sebuah kenderaan jenis Suzuki Swift pada kira-kira jam 2.00 petang. Pihak berkuasa serta agensi penyelamat termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) sedang berada di lokasi untuk menjalankan tindakan lanjut.

Sebagai langkah keselamatan, semua kerja pembinaan di kawasan terlibat telah dihentikan sementara menunggu siasatan menyeluruh oleh pihak berkuasa berkaitan. Berdasarkan maklumat semasa, pemandu kenderaan yang terlibat berada dalam keadaan selamat. Pihak ECRL akan memberikan bantuan kewangan segera kepada pemilik kenderaan yang terlibat bagi meringankan beban yang ditanggung, sementara menunggu hasil siasatan pihak berkuasa dan proses tuntutan yang berkaitan.

Kerja-kerja pembersihan dan pengalihan struktur sementara telah berjaya dijalankan di bawah seliaan pihak berkuasa.

Untuk makluman, struktur sementara “*temporary steel canopy*” tersebut dibina bagi menghalang serpihan pembinaan daripada jatuh ke laluan jalan raya serta memudahkan pelaksanaan kerja-kerja RUB #16. Kerja-kerja pembinaan RUB #16 telah disiapkan pada Oktober 2025 dan proses berkaitan pembukaan struktur sementara dijadualkan bermula pada 20 November 2025 selepas menerima kelulusan agensi terlibat.

Pihak ECRL komited untuk memberikan kerjasama penuh kepada semua pihak berkuasa dalam siasatan yang sedang dijalankan serta memastikan semua langkah keselamatan dipatuhi. Keutamaan kami adalah keselamatan pengguna jalan raya, orang awam, dan pekerja projek. Kami amat menghargai perhatian dan kerjasama semua pihak berhubung insiden ini dan memohon maaf atas sebarang kesulitan yang berlaku.

Pengguna jalan raya dinasihatkan agar berhati-hati serta mematuhi arahan trafik dan panduan keselamatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa di lokasi berkenaan.

Laluan terlibat kini telah dibuka semula untuk kegunaan orang awam.